
Title	[Ucapan: Majlis Bahas]
Author(s)	Muhammad Ariff bin Ahmad

Copyright © 1963 Muhammad Ariff bin Ahmad

Saya telah mengikuti dan mengadili semua peraduan bahas ini. dari pusingan pertama sampailah ke pusingan akhir yang baru dilakukan sebentar ini tadi. Saudara2 Buyong Adil, Suri Muhyani, Mohamad Rashid Manan, Prof. Lee Chuan Sioe dan Masuri S.N., pernah mengimbangi pengadilan saya dalam pusingan2 perbahasan itu.

Kami telah diarahkan oleh ltk., selaku penganjur bahas2 itu, supaya memberikan markah kepada peserta berdasarkan dua aspek - tentang isi dan tentang bahasa. Isi perbahasan itu dimaksudkan untuk alasan2 yang diberikan sebagai hujahnya dan alasan2 yang jadi senjata menolak hujah2 lawan; dan bahasa itu dimaksudkan untuk kepandaiannya memilah bahasa yang tepat, kekuatannya menguasai bahasa, serta kepandaian dan kepitahannya menyampaikan maksudnya dengan menggunakan bahasa yang dipilihnya.

Kita semua telah maklum bahwa tajuk perbahasan itu ialah: bagi mengembangkan bahasa kebangsaan, keaslian bahasa Melayu mesti dipertahankan. Pada himat saya, kelickek tajuk itu terletak pada bahasa kebangsaan, bahasa Melayu dan istilah kata keaslian itu. Ada juga peserta yang menitekberatkan tentang ada atau tidaknya keaslian itu; kalau ada patutkan keaslian itu dipertahankan. Pendapat itu pun dapat menarek dan mempengaruhi pendapat majlis.

Sepanjang perbahasan yang dilakukan pada 10.8.63, 17.8.63, 24.8.63, 7.9.63, dan hari ini 14.9.63, saya dapati mutu perbahasan itu lebihkurang setarap belaka. Perkara yang banyak dibahaskan ialah tentang perkataan2, tentang susunan ayat dan tentang nahu. Dan memahami kata keaslian itu kebanyakan peserta berpendapat yang asli itu ialah yang lama, padahal - menurut himat saya - yang asli itu bukanlah dimaksudkan yang lama tetapi yang original; walaupun baru kalau original dapat dikatakan asli juga.

Tentang isi dan bahasa, pengadil2 mendapati, tarap peserta2 itu tidak jauh benar bedanya; malah lebih ramai yang serupa sahaja. Masing2 sama2 handal, sama2 berkeras menahankan hujahnya. Memandang kepada beberapa pusingan perbahasan itu dapat saya tangkap juga beberapa kelenahan peserta2 itu; terutama tentang teknik berbahas. Para hadirin yang mengikuti majlis2 bahas itu hampir2 tak dapat menentukan bahwa mereka sedang menyaksikan satu perbahasan. Mengapa begitu ?

Jawab-nya: kerana pembahas2 itu lebih bersifat sebagai pencheramah atau pensharah yang menyampaikan cheramah atau kuliahnya, daripada mensifatkan dirinya itu sebagai pembahas. Ada orang yang menerangkan hujahnya tanpa perkaitan dengan hujah2 lawannya. Ada pula yang hanya menghantam lawannya tanpa hujah yang disediakan untuk menegakkan pendapatnya. Sebagai pembahas ke-dua2nya itu mestilah dilakukan seimbang dengan waktu yang ditetapkan. Oleh kerana ada pula yang mengemukakan hujahnya terlaku banyak maka waktu menjadi korban. Kepada mereka itu pengadil mengambil tindakan tegas, iaitu apapun ucapan yang lahir lepas lochong kodua tak diberi marka.

Pandangan umum terhadap majlis itu ada baiknya pula saya kemukakan juga. Mudah2an kita dapat memperbaiki lagi majlis2 yang serupa pada masa akandatang.

Olehkerana majlis ini diadakan dalam bidang sambutan minggu bahasa Kebangsaan, maka saya rasa perhatian rakyat umum harus ditarek sedapat-depatnya untuk mengikuti majlis2 ini. Sepanjang2 pusingan perbahasan itu amat kurang orang2 yang bukan Melayu turut mendengar atau mengambil bahagian. Kita telah mengakui bahasa Kebangsaan itu milik bersama, maka tidak ada sebab kelompok2 lain yang bukan Melayu itu menjauhi diri dari sebarang majlis bahasa Kebangsaan seperti yang kita adakan itu.

Untuk meninggikan lagi tarap perbahasan kita, maka saya rasa, majlis2 bahas seperti itu patutlah diadakan selalu2 - jangan se-mata2 diadakan kerana meraikan minggu bahasa Kobangsaan sahaja. Kita mau lebih ramai pemuda2 kita yang pandai berchakap dengan berdisiplin. Dan majlis2 bahas serupa ini amatlah memberi pertolongan dan melateh kita berchakap benar.

Akhir-nya, walaupun sebenarnya saya belum tau siapa yang menang dalam majlis bahas ini, saya mengambil peluang untuk mengucapkan tahniah kepada pasokan yang menang; sambil menyatakan penghargaan saya kepada sekalian kerabat ltk., yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan2 ltk., ini.

Sekian.



Muhammad Ariff Ahmad,

Persatuan Rakyat,
Singapura.
14hb. September 1963.